

PBS takut Adun tukar parti

B.H = 1 DEC 1992



KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan langkah Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan 1992 (Pindaan) bagi memecat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kerana masalah disiplin dan salah laku sebagai tidak demokratik.

Menurutnya, tujuan pindaan itu hanyalah untuk memastikan Adun Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak melompat atau menukar parti dan bukan untuk menghindari perbuatan salah laku atau disiplin.

“Kalau perbuatan tidak baik sudah lama kita bo-

lelbuat. Kerajaan Pusat juga boleh buat...mungkin kalau kita buat, semua ahli Dewan Rakyat PBS boleh disingkirkan.

“Sama ada ini demokratik atau tidak terpulang kepada rakyat untuk memikirkannya,” katanya ketika ditanya keputusan DUN Sabah meluluskan Rang Undang-Undang Perlembagaan 1992 itu 24 November lalu.

Perdana Menteri memberitahu pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dari London selepas menghadiri Sidang Kemuncak G15 di Dakar dan melawat Namibia dan Tunisia, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata,

jika perkara seperti itu dibuat oleh Kerajaan Pusat, ia akan dilaporkan oleh akhbar asing kononnya kerajaan tidak demokratik.

“Bila PBS buat...ini dianggap satu perbuatan yang halai,” katanya.

Rang undang-undang itu diluluskan di DUN Sabah dengan 42 undi menyokong dan sembilan menentang.

Pindaan itu membabitkan Seksyen 18 (2) Perlembagaan Negeri dengan menambah perenggan baru (E) berbunyi:

“Seseorang ahli dipilih atau ahli dilantik hendaklah mengosongkan kerusinya dalam Dewan Undangan Negeri jika - (E)

‘dia disingkirkan oleh Dewan Undangan Negeri kerana berkelakuan dengan tidak sepatutnya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kerana tingkah laku yang tidak sopan, atau bagi hal seorang ahli dipilih, kerana menyalahgunakan atau mengkhianati mandat yang diberikan kepadanya oleh pengundi di kawasan pilihanrayanya.’”

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil tindakan tertentu berhubung pindaan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji terlebih dahulu aspek undang-undang.

“Tetapi di segi semangat demokrasi, perkara

ini memang tidak demokratik,” katanya.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba, dilaporkan berkata pindaan itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana dewan hanya boleh memecat Adun yang tidak berfikir waras, mufis dan pernah didenda di mahkamah atas sesuatu kesalahan.

Mengenai cadangan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang hanya mahu mengadakan forum, dan bukan debat berhubung perjanjian 20 Perkara, Dr Mahathir berkata, kalau diadakan forum, rakyat tidak

LIHAT MUKA 2

Tolak cadangan Pairin

BH 1 DEC 1992

DARI MUKA 1

akan faham apa yang sebenarnya berlaku kerana PBS cuba untuk menyembunyikan segala kelemahannya.

"Kalau mereka sudah pergi ke kampung-kampung menceritakan mengenai 20 Perkara itu, patutlah semua orang tahu apa dia perkara yang sebenar," katanya.

Ahad lalu, Ghafar berkata Kerajaan Pusat menolak cadangan Pairin untuk mengadakan forum berbubung perjanjian 20 Perkara itu. Cadangan mengadakan debat itu dikemukakan oleh Umno Sabah.